



01

BICARA EKSEKUTIF: INOVASI, DIGITAL & AI: MENERAJUI PERUBAHAN

DBKK telah menganjurkan Ceramah Eksekutif Inovasi, Digital & AI yang disampaikan oleh Dato' Fazley Yaakob pada 14 Julai di Hotel Hilton Kota Kinabalu.

Program ini telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Sabin bin Samitah, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Ketua Pengarah DBKK, Yang Berbahagia Datuk Lifred Wong, Timbalan-Timbalan Ketua Sektor, Ketua-Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai DBKK.

Penganjuran ceramah ini bertujuan memperkukuh budaya inovasi, pendigitalan dan penggunaan AI dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta menyokong transformasi DBKK ke arah organisasi yang lebih inovatif, cekap dan berdaya saing.



02

BENGKEL PENULISAN: PROJEK BERKUALITI, INOVASI BERPRESTASI

Seramai 120 peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) serta warga DBKK telah menyertai Bengkel Pemantapan dan Pemurnian Penulisan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Sempena Anugerah Inovasi Mayor 2025 yang diadakan pada 27 November 2025 di Seven Hotel, Suria Sabah.

Bengkel yang dikendalikan oleh Encik Josliw Matjumping, Perunding Latihan Kanan, INTAN Sabah, bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan peserta dalam menghasilkan penulisan projek yang lebih sistematik, berkualiti dan berimpak. Program ini turut memperkukuh budaya inovasi serta menyediakan peserta dengan panduan terbaik dalam menghasilkan projek KIK yang kreatif dan berdaya saing.

